

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

Pembelian panik vaksin

Ada ibu bapa tempah menerusi dalam talian tanpa konsultasi doktor

WABAK INFLUENZA

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bawa vaksin influenza yang dibeli secara dalam talian ke klinik untuk suntikan.

Itu dilakukan sesetengah ibu bapa yang panik hingga sanggup membeli daripada orang perseorangan yang mahu mengaut keuntungan mudah.

Pendedahan itu dilakukan pemilik Klinik As-Salam, Dr Azfar Hussin apabila mendapati ada pelanggannya datang membawa vaksin influenza dalam bungkusus parcel, minggu lalu.

Dr Azfar berkata, ada juga pelanggannya bertanya dengan menunjukkan gambar vaksin yang dibeli tanpa menyimpan dalam kotak ais dengan suhu antara dua hingga lapan darjah Celsius.

"Ramai yang tidak tahu di Malaysia vaksin influenza mempunyai empat jenis yang dijual berdasarkan usia berbeza. "Pelanggan yang menghubungi kami dan menunjukkan vaksin yang dibeli didapati tidak sesuai disuntik kepada anak mereka," katanya.

Menurutnya, pihaknya tidak akan melakukan sebarang suntikan yang tak diketahui sumber dan cara penyimpanan seperti yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Sebaik diselidik, kami dapat adi pihak mengambil kesempatan terutama kakitangan klinik yang membeli vaksin berkenaan tetapi menjualnya di pasaran dengan harga berlipat kali ganda.

"Malah, mereka akan

menjualnya secara dalam talian dengan mendekati ibu bapa yang bertanyakan vaksin ini di media sosial melalui mesej peribadi," katanya.

Menurutnya, ibu bapa yang terdesak akan membeli vaksin berkenaan dengan harga tinggi dan meminta klinik persendirian lain melakukan tugas menyuntik.

"Ramai yang tidak faham, untuk menyuntik vaksin memerlukan konsultasi dan saranan doktor, tidak boleh sewenang-wenang melakukan pelafalan."

"Kami perlu tahu sejarah, alergi dan sama ada bayi atau kanak-kanak berkenaan sudah mengambil suntikan *booster* atau belum," katanya.

Dr Azfar berkata, semua vaksin perlu disimpan secara rantaian yang dinamakan *cold chain*.

"Daripada pengeluar sehingga sampai kepada pelanggan, kami mengekalkan suhu dua hingga lapan darjah Celsius dan tidak boleh terdedah kepada cahaya matahari."

"Jika tidak, suntikan berkenaan

sudah hilang sumber protein dan tidak berfungsi lagi sebagai vaksin, jika dilakukan suntikan pun hanya sia-sia," katanya.

Beliau berkata, 2,000 individu sudah menerima suntikan vaksin dari kliniknya dalam tempoh seminggu lalu dan stok vaksin baharu belum diperoleh.

"Sebenarnya ibu bapa tidak perlu panik kerana November hingga Januari setiap tahun memang berlaku musim yang dinamakan *seasonal influenza* dan jumlah pesakit lebih kurang sama setiap tahun," katanya.



...

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : LOKAL

387 pelajar dijangkiti wabak di Selangor

Shah Alam: Angka menggusarkan apabila jumlah pelajar dijangkiti wabak Influenza A dan H1N1 di Selangor meningkat kepada 387 pelajar semalam berbanding 245 pelajar dicatatkan kelmarin.

Pengarah Pendidikan Selangor, Dr Mahanom Mat Sam, berkata, setakat jam 9 pagi semalam, Klang mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 127 pelajar dari 42 sekolah manakala Petaling Perdana mempunyai 97 kes dari 38 sekolah diikuti Petaling Utama dengan 23 kes dari 10 sekolah dan Sepang dengan 53 kes dari 12 sekolah.

Beliau berkata, Kuala Selangor mencatatkan lapan kes dari enam sekolah, manakala Gombak (28 kes dari 16 sekolah), Kuala Langat (17 kes dari enam sekolah), Hulu Selangor (16 kes dari lima sekolah), Hulu Langat (10 kes dari lapan sekolah) dan Sabak Bernam (7 kes dari tiga sekolah).

“Semua pelajar yang sakit menerima rawatan di klinik dan hospital serta dilaporkan stabil.

“Pelajar terbabit diberi cuti rehat dan dinasihatkan untuk dikuarantin di rumah dalam tempoh tiga hingga tujuh hari. Data berkenaan diperoleh daripada Pejabat Pendidikan



Pelajar terbabit diberi cuti rehat dan dinasihatkan untuk dikuarantin di rumah dalam tempoh tiga hingga tujuh hari”

Dr Mahanom

Daerah,” katanya semalam.

Dalam pada itu, Mahanom berkata, tiada sekolah atau kelas di negeri ini ditutup susulan wabak itu.

“Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) menjalankan langkah pencegahan dan mitigasi di semua sekolah yang dikategorikan *Influenza Like Illness* (ILI).

“Sehingga kini, sebanyak 15 sekolah sudah menjalani mitigasi dan penyahkuman secara menyeluruh. Proses ini akan diteruskan kepada 10 lagi sekolah yang terjejas,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan mewujudkan Taskforce penyakit berjangkit yang terdiri dari Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

AKHBAR : SINAR HARIAN**MUKA SURAT : 9****RUANGAN : WABAK INFLUENZA SEMAKIN MENULAR**

Dr Zaini (kanan) memeriksa suhu badan salah seorang warga Thailand yang memasuki negara ini dengan menggunakan *therma scanner* di ICQS Rantau Panjang semalam.

Kelantan bebas influenza A

RANTAU PANJANG - Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan mengesahkan negeri itu bebas daripada serangan wabak influenza A.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, setakat ini pihaknya belum menerima sebarang kes melibatkan wabak berkenaan.

"Bagaimanapun, kita sentiasa menjalankan pemanfautan dan pemeriksaan rapi dalam mengesan wabak tersebut," katanya ketika mengadakan lawatan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuaran dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang semalam.

Beliau turut menasihatkan penduduk supaya tidak panik khususnya berhubung isu suntikan vaksin.

Beliau berkata, pihaknya

sentiasa membuat pemeriksaan sekiranya ada klinik swasta yang menaikkan harga vaksin sesuka hati.

"Orang ramai turut dina-sihatkan segera mendapatkan rawatan sekiranya mengalami demam luar biasa," katanya.

Sementara itu, Dr Zaini berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan akan beker-jasama dengan kerajaan Thailand untuk menangani wabak tersebut terutama mereka yang keluar masuk di pintu sempadan kedua-dua negara.

Terdahulu, Dr Zaini turut memeriksa suhu badan salah seorang warga Thailand yang memasuki negara ini di ICQS Rantau Panjang dengan meng-gunakan *therma scanner* dan mengagihkan risalah menge-nai influenza.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : WABAK INFLUENZA SEMAKIN MENULAR

Kerajaan perlu pantau agihan vaksin influenza

SHAH ALAM - Kerajaan perlu meneliti kaedah pengagihan bekalan vaksin influenza untuk klinik-klinik swasta bagi memastikan golongan sasaran benar-benar mendapat manfaat.

Pakar Kanak-Kanak Kasih Cyberjaya Specialist Clinic, Dr Mohd Zaqrul Razmal Mohd Podzi berkata, beliau menyambut baik usaha kerajaan untuk menyediakan bekalan vaksin berkenaan namun ia perlu dipantau dan diberikan dengan lebih bersistem.

Menurutnya, kehabisan stok vaksin sedia ada kini adalah disebabkan rasa panik pengguna membuatkan ada golongan yang sepatutnya diberi keutamaan mendapatkan vaksin, telah tercicir.

"Insentif ini bagus cuma kalau boleh janganlah hanya bermusim. Cara pemberiannya perlu diperhalusi. Perlu pilih klinik mana yang patut



DR MOHD ZAQRUL

diberi bagi mengelakkan monopolisasi.

"Pengguna yang mahu mengambil vaksin juga perlu dienal pasti dan beri keutamaan pada golongan yang berisiko," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, bekalan vaksin influenza sepatutnya akan sentiasa ada kerana ia hanya digalakkan untuk golongan yang berisiko.

"Stok sedia ada adalah dari tahun 2019 dan bekalan seterusnya adalah pada Mac atau April."

"Vaksin yang ada sepatutnya disaran untuk golongan yang berisiko yang mudah dijangkiti virus. Namun disebabkan panik, semua orang mahu ambil vaksin sebagai langkah pencegahan."

"Jadi apa yang berlaku sekarang dapat dilakukan iaitu yang berisiko tak dapat vaksin, yang tidak berisiko dapat vaksin," katanya.